

AiNEX UMP pameran penyelidikan idea kreatif berinovasi



Kuantan, 3 Mei – Seramai 84 penyelidik dari peringkat sekolah menengah hingga ke pengajian tinggi seluruh Malaysia berjaya mempamerkan hasil penyelidikan dalam pertandingan Advanced Innovation & Engineering 2017 (AiNEX) yang berlangsung di Dewan Astaka Universiti Malaysia Pahang (UMP) baru-baru ini.

Pertandingan anjuran Pusat Kejuruteraan Automotif (AEC) di universiti ini bertujuan untuk melahirkan penyelidik muda dalam menyalurkan idea kreatif mereka dalam penghasilan produk berteraskan penjimatan dan mesra alam.

Pengarah AEC, Prof. Madya Dr. Abdul Adam Abdullah berkata, penganjuran AiNEX 2017 yang merupakan kali kedua penganjurannya tahun ini menyokong misi UMP dalam menyediakan pendidikan, penyelidikan dan perkhidmatan yang tinggi kualitinya dalam bidang kejuruteraan dan teknologi dengan membudayakan kreativiti dan inovasi.

“Ianya merupakan platform para penyelidik dalam kalangan pelajar sekolah, universiti awam, universiti swasta serta institut pengajian menghasilkan inovasi dan ciptaan yang berdaya saing pada masa datang,” katanya.



Pertandingan menyaksikan anugerah terbaik dimenangi pelajar Universiti Malaya (UM), Daniel Low June Weng dari Fakulti Kejuruteraan Bio Perubatan, menerusi penyelidikan yang bertajuk Scolios2 yang merupakan satu alat untuk mengukur perbezaan bahu untuk mengesan penyakit kecacatan tulang belakang yang dikenali sebagai Scoliosis. Beliau yang turut meraih tempat pertama bagi kategori universiti membawa pulang sijil, medal dan wang tunai RM 800.00.

Manakala tempat kedua dimenangi oleh pelajar Universiti Malaysia Pahang (UMP) menerusi projek 3D copier Machine dengan membawa pulang wang tunai RM 600.00. Tempat ketiga dimenangi pelajar Universiti Teknikal Malaysia (UTeM) menerusi penyelidikan Intelligent Al-Quran Flipper (i-QF) dengan membawa pulang RM 400.00.

Sementara itu bagi kategori Kolej/Politeknik pula tempat pertama telah dimenangi oleh Pahang Skill Kuantan menerusi penyelidikan bertajuk Earth Conductor Safety & Security Realy(X-SSAR). Kolej Politeknik MARA Kuantan pula meraih tempat kedua dengan penyelidikan mereka yang bertajuk LGP Gas Leak Detector System Using Arduino GSM Module dan tempat ketiga telah dimenangi oleh Kolej Vokasional Kuantan dengan penyelidikan bertajuk SOCOF (Solution Of Composite Funtion).



Dalam pada itu bagi kategori sekolah pula tempat pertama dengan dimenangi oleh Sek Men. Sains Hulu Selangor menerusi hasil penyelidikan mereka bertajuk Modification Of F1 Car Rear Wing dan Sek Men Keb Bukit Rangan di tangga kedua dengan penyelidikan yang bertajuk Charica-EcoFriendly Larvicide serta Maktab Rendah Sains MARA Tun Abdul Razak Pekan menang di tempat ketiga dengan penyidikannya bertajuk Cubangle. Semua pemenang menerima medal, sijil penyertaan dan hadiah iringan.

Lain-lain yang menyertai pertandingan ini termasuklah Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Politeknik Sultan Azlan Shah, Perak, Maktab Rendah Sains MARA Kuala Kangsar, SBPI Tun Abdul Razak Pekan, SMK LKTP Pemanis, Segamat, SMK Tanah Puteh, Kuantan dan Kolej Yayasan Pahang.

Berita disediakan Nor Salwana Mohd Idris dari Bahagian Komunikasi Korporat

Posted By : NORHIDAYAH BINTI MOHAMAD Date Posted : 05-05-2017, 15:49:25